



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27/1/2017	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

Siap siaga mencegah kebakaran hutan

JAKARTA – Presiden Joko Widodo (Jokowi) memberi peringatan kepada pasukan khas pencegah kebakaran hutan Indonesia supaya memastikan peristiwa kebakaran besar hutan pada 2015 tidak berulang di negara ini.

Sambil menyifatkan kebakaran hutan itu sebagai yang paling dahsyat pernah berlaku di negara ini, beliau berkata, semua pihak harus mengambil iktibar daripada kejadian itu kerana pelbagai usaha yang dilakukan gagal mengawal kebakaran itu daripada terus merebak.

Sehubungan itu, Jokowi meminta semua pihak supaya sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi kebakaran hutan dan ladang bagi memastikan peristiwa kebakaran hutan terburuk itu tidak berulang.



JOKOWI